

**UJIAN PENTAKSIRAN SETARA STANDARD  
BAHASA MELAYU TAHUN 5  
SEKOLAH KEBANGSAAN TABUAN HILIR , KUCHING**

**Bahagian B (30 markah)**

**Soalan 21**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

|                   |             |                      |
|-------------------|-------------|----------------------|
| muzik tradisional | cenderamata | pengunjung           |
| penonton          | murah       | Karnival Pelancongan |

Adam dan Rahimi telah ke \_\_\_\_\_.  
Banyak pengunjung ke Karnival Pelancongan itu. Terdapat pelbagai gerai di sana. Ada gerai yang menjual makanan, pakaian dan \_\_\_\_\_. Banyak pengunjung membeli pakaian kerana harganya \_\_\_\_\_.

Selain itu, terdapat juga persembahan \_\_\_\_\_.  
Penonton gembira semasa menyaksikan persembahan itu.

( 4 markah )

## Soalan 22

(a) Tulis **soalan** yang sesuai bagi jawapan yang diberi.

---

---

Jawapan : Tokoh perniagaan yang saya kagumi ialah Allahyarham Tan Sri SM Nasimuddin.

( 2 markah )

(b) Tulis dialog yang sesuai bagi perbualan di bawah.

Anisah : Apakah pekerjaan ayah kamu?

Jawapan

---

---

( 2 markah )

(c) Tulis ayat yang sesuai di bawah.

Adam mengambil bendera.

( kerana )

Adam hendak memasangnya pada sebatang kayu.

---

---

( 2 markah )

### Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Perniagaan Encik Suhaimi semakin meningkat. Beliau menjadi usahawan pengangkutan. Beliau menambah jumlah kenderaannya dari tahun ke tahun.

Pada tahun pertama, beliau hanya **memiliki** sebuah bas dan sebuah teksi. Pada tahun kedua pula, jumlah bas dan teksinya telah ditambah.

Pada tahun ke-tiga, beliau berjaya menambah lima buah bas dan tiga buah teksi kerana perniagaannya semakin maju.

Pada tahun keempat pula, beliau membeli lima buah teksi lagi.

(a) Perkataan '**memiliki**' dalam petikan di atas bermaksud \_\_\_\_\_.

( 1 markah )

(b) Mengapakah Encik Suhaimi menambah lima buah bas dan tiga buah teksi pada tahun ketiga?

---

---

( 2 markah )

(d) Padankan kenyataan di bawah berdasarkan petikan.

Encik Suhaimi merupakan usahawan Internet.

Pada tahun ke-empat, Encik Suhaimi memiliki sebuah bas dan sebuah teksi.

Encik Suhaimi menambah jumlah kenderaannya dari tahun ke tahun.

BETUL

SALAH

( 2 markah )

#### Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pusat penternakan burung unta atau ostrich di Jelita Ostrich Farm, Negeri Sembilan kini menjadi perhatian pelancong. Pelancong yang datang ke pusat itu akan diberi taklimat tentang penternakan burung unta.

Jelita Ostrich Farm bukan sahaja memelihara pelbagai haiwan. Pelancong bukan sahaja dapat melihat dan memegang sendiri haiwan tersebut, malah menyaksikan perlumbaan burung unta.

Burung unta ini adalah haiwan yang sangat sensitif. Suka dibelai tetapi akan bertindak agresif jika merasakan dirinya diganggu.

(a) Apakah haiwan yang dipelihara di Jelita Ostrich Farm?

---

---

( 2 markah )

(b) Mengapakah burung unta sangat sensitif?

---

---

( 2 markah )

(c) Pada pendapat anda, mengapakah Jelita Ostrich Farm menjadi tarikan pelancong?

---

---

---

( 3 markah )

**Soalan 25**

Baca pantun di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Memancing bersama anak Leha,  
Memancing ikan tepi paya,  
Kalau kita rajin berusaha,  
Pasti kita akan berjaya.

Buah pinang ditumbuh lumat,  
Buah pinggang dari pekan,  
Apabila berbelanja kita berjimat,  
Sikap boros jangan amalkan.

Sungguh tinggi pohon ara,  
Pohon ara tepi perigi,  
Melayan pelanggan dengan mesra,  
Barulah pelanggan datang lagi.

(a) Apakah yang perlu kita lakukan supaya kita akan berjaya?

---

---

( 1 markah )

(b) Siapakah yang perlu kita layan dengan mesra?

---

---

( 2 markah )

- (c) Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** bagi pernyataan di bawah berdasarkan pantun.

|                                 |  |
|---------------------------------|--|
| Kita perlu amalkan sikap boros. |  |
| Jangan amalkan sikap boros.     |  |

( 2 markah )

- (d) Bagaimanakah caranya supaya pelanggan datang lagi ?

---

---

( 3 markah )

**KERTAS SOALAN TAMAT**